

Bantu peneroka elak upah tinggi: Abdullah

Untuk menikmati manfaat kenaikan harga sawit dan getah

BH - 24/2/2006

Oleh Ahmad Naim Tahir

SEREMBAN: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu semua pihak berusaha mencari jalan untuk memastikan golongan peneroka dapat menikmati sepenuhnya manfaat kenaikan harga sawit dan getah sekarang.

Perdana Menteri berkata, usaha itu perlu kerana ketika ini ramai peneroka yang terpaksa membayar upah tinggi kepada pihak ketiga bagi membantu mereka mengeluarkan hasil ladang mereka.

Katanya, kadar upah yang perlu dibayar untuk kerja mengambil buah sawit atau menoreh getah, termasuk kepada pekerja asing ada yang mencecah sehingga 60 peratus daripada hasil jualan.

"Saya gembira harga sawit dan getah naik. Ini satu rahmat kepada kita kerana dapat tambah pendapatan, te-

tapi ada tak dapat kerja sendiri mungkin dah tua dan anak-anak pula keluar bekerja di tempat lain.

"Jadi, mereka terpaksa upah orang lain, termasuk pekerja asing. Kena bagi (upah) sampai 60 peratus... tuan punya dapat 40 peratus saja menyebabkan pendapatan mereka susut," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penyerahan cek pampasan RM250 juta kepada tuan punya tanah Felda Sendayan, dekat sini, semalam. Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan.

Seramai 473 daripada 513 peneroka Felda itu atau waris menerima pampasan antara RM450,000 hingga RM550,000 setiap seorang.

Baki nilai jualan tanah Sendayan akan dibayar dalam bentuk tanah seluas 0.8 hektar bernilai kira-kira RM300,000 dan sebuah banglo ber-

nilai lebih RM200,000.

Sehubungan itu, Perdana Menteri meminta agensi seperti Felda mengambil apa juga langkah untuk membantu peneroka supaya manfaat daripada kenaikan harga sawit dan getah itu tidak mengalir ke tempat lain.

"Saya harap Felda dan pemimpin negeri fikir bagaimana kenaikan harga ini dapat dimanfaatkan peneroka. Satu caranya gunakan khidmat belia kita yang menganggur dan tubuhkan kumpulan kerja dengan upah berpatutan," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, kerajaan memang memberi tumpuan kepada usaha membangunkan kawasan luar bandar, termasuk menggalakkan pembabitan masyarakatnya dalam perusahaannya.

"Banyak yang boleh dibuat... perusahaannya ukiran, jahitan, berasas-

kan makanan dan buah-buahan. Saya harap pemimpin dan wakil rakyat cuba kenal pasti apa yang boleh diusahakan di kampung.

"Jangan ingat tinggal di kampung tidak boleh usaha apa-apa... perlu ke Seremban atau Kuala Lumpur saja. Di kampung juga banyak yang masih boleh diusahakan kerana pokok pangkalnya mahu atau tidak saja," katanya.

Sementara itu, Abdullah menasihatkan peneroka Sendayan menggunakan habuan pampasan yang diterima itu untuk tujuan baik yang dapat memberi kebahagiaan kepada mereka serta keluarga.

Sambil mengucapkan tahniah kepada Mohamad kerana berjaya menyelesaikan kemelut tertangguh selama 10 tahun ini, Perdana Menteri berkata, beliau juga tumpang gembira dan bersyukur dengan perkembangan itu.